

YB. Dr. Maszlee Malik

Kajian semula sukatan subjek Sejarah di sekolah dibuat bagi membolehkan kandungannya menjadi lebih menarik, di samping memastikan penyampaian guru tidak membosankan.

Menteri Pendidikan, Dr Maszlee Malik, berkata pindaan dan kajian semula yang dibuat itu tidak membabitkan pengguguran silibus. Pihak KPM akan melihat apa yang didakwa sebagai dimansuhkan, dihapuskan itu ada sebenarnya dalam subjek Sejarah Tingkatan Empat dengan bentuk yang lebih menarik, matang dan segar," katanya kepada pemberita di lobi Parlimen, hari ini.

Beliau berkata demikian susulan dakwaan segelintir pihak bahawa buku teks Sejarah Tingkatan Tiga dipinda membabitkan pemansuhan beberapa bab berkaitan pendudukan Jepun di Malaysia dan ancaman Parti Komunis Malaya serta darurat.

Maszlee berkata, rombakan dan kajian subjek itu dilakukan secara berperingkat-peringkat bermula Tingkatan Satu dan tahun ini tumpuan kepada Tingkatan Tiga. Langkah ini selaras dengan menyemak kandungan dan cara PdP subjek Sejarah di dalam bilik darjah agar lebih menarik dan tidak membosankan.



Selaras dengan usaha untuk meningkatkan pemahaman mengenai amalan demokrasi serta pilihan raya dalam kalangan orang muda, Kementerian Pendidikan akan menambah baik sukatan pelajaran subjek Sejarah Tingkatan 4 dan 5, kata menteri berkenaan, Dr Maszlee Malik.

Beliau berkata, penambahbaikan sukatan pelajaran itu turut meliputi pendedahan amali mengenai amalan demokrasi dan pilihan raya.

Kita akan cuba perbaiki dan tambah beberapa elemen. Bukan sekadar apa yang mereka (pelajar) belajar dalam buku dan kelas, tetapi lebih daripada itu yang mana kita akan minta para guru membuat latihan amali untuk diperkenalkan kepada mereka.

"Pengamalan demokrasi juga bukanlah asing dalam keterlibatan kokurikulum. Kita sedang cuba untuk memperkenalkan di sekolah-sekolah dengan pelbagai perkara praktikal berkaitan pengamalan demokrasi dan pilihan raya itu sendiri," katanya pada sidang media selepas Majlis Penghargaan Akreditasi Emas Asia Pacific Accreditation and Certification Commission (APACC) untuk Politeknik Malaysia di sini hari ini.

Penambahbaikan sukatan pelajaran itu adalah susulan daripada Rang Undang-undang Perlembagaan (Pindaan) 2019 bagi menurunkan had umur mengundi, pendaftaran pengundi automatik, dan menurunkan umur calon bertanding pilihan raya kepada 18 tahun, yang diluluskan Dewan Rakyat pada 16 Julai.

Sebelum ini, Pengerusi SPR, Azhar Azizan Harun bercadang untuk mengadakan perbincangan dengan Kementerian Pendidikan untuk menyediakan modul pendidikan pengundi kepada pelajar sekolah supaya mereka lebih bersedia dan memahami proses demokrasi dan pilihan raya di awal usia.

Sempena majlis hari ini, sembilan buah politeknik Malaysia menerima pengiktirafan Emas daripada APACC yang mana enam daripada mereka berada pada kedudukan sepuluh teratas.

Pengiktirafan tersebut dapat dijadikan penanda aras kecemerlangan aliran Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) di rantau Asia Pasifik dalam aspek kualiti, kebertanggungjawaban serta kepercayaan awam terhadap politeknik Malaysia.

Sumber: Berita Harian, 25 Julai 2019